

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 3
RUANGAN : NASIONAL

PM jamin selesai isu doktor kontrak dalam tiga tahun

Lantikan jawatan tetap dilaksana berperingkat, kena ambil kira implikasi kewangan

Oleh Zanariah Abd Mutalib,
Muhammad Yusri Muzamir
dan Latifah Arifin
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Datuk Seri Anwar Ibrahim memberi jaminan kerajaan akan menyelesaikan isu doktor lantikan kontrak ke jawatan tetap secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun.

Perdana Menteri berkata, penerapan itu perlu dibuat berperingkat selepas mempertimbangkan implikasi kewangan yang perlu ditanggung kerajaan sekiranya diselesaikan secara sekali gus.

Justeru, katanya, untuk tahun ini, seramai 4,300 daripada 20,333 doktor lantikan kontrak di se-

luruh negara yang akan diserap ke jawatan tetap.

"Kita berikan perhatian (isu doktor kontrak). Tidak ada sama sekali niat untuk meremehkan kerana doktor kontrak berkhidmat dengan baik, berkorban masa dan tenaga, selain negara memang memerlukan (mereka)."

"Dalam Belanjawan 2023, peruntukan emolumen (bernilai) RM19.7 bilion kepada Kementerian Kesihatan (KKM), peningkatan RM3 bilion berbanding 2022.

"Sejumlah RM3 bilion pertambahan emolumen, termasuk RM1.2 bilion (bagi) kenaikan gaji tahunan, selain peruntukan pertambahan bagi keperluan pegawai kontrak bernilai RM600 juta.

"Pelantikan ke jawatan tetap yang diserap daripada pegawai kontrak pula bernilai RM1.1 bilion," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Madius Tugau (PH-Tuaran) berhubung jumlah keseluruhan pegawai perubatan lantikan kontrak dalam perkhidmatan awam dan implikasi kewangan jika semuanya diserap ke jawatan tetap.

Anwar berkata, kerajaan me-

Doktor rancang mogok perubatan milik belas lisan kepada pesakit



mahami isu lantikan pegawai kesihatan kontrak adalah isu lama yang berlarutan.

Langani isu sebaiknya

"Kerajaan beri jaminan isu ini akan ditangani sebaiknya berikutan mengambil kira bilangan dan implikasi kewangan terbabit.

"Kerajaan mengambil pendekatan untuk menyelesaikan isu ini secara berperingkat. Ini termasuk menambah baik peluang latihan kepakaran dan garis panduan sedia ada.

"Baki pegawai kontrak disasarkan untuk diserap menjelang 2025 dan dijangkakan membabitkan peruntukan tambahan sekitar RM1.7 bilion," katanya.

Katanya, walaupun pelantikan tetap doktor kontrak dibuat, pada masa sama, Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus mem-

buat pelantikan kontrak bagi tujuan *housemanship* yang turut memberi implikasi kepada peningkatan kos emolumen KKM setiap tahun.

"Sebab itu, saya merayu, sementara tuntutan ini munasabah, bahawa mereka berkhidmat sekian lama, tetapi (serapan ke lantikan tetap) masih tertangguh. Tahun ini kita tak mampu untuk selesaikan semua.

"Saya berterima kasih di atas kesediaan mereka berkhidmat walaupun ada keresahan (dan) tidak puas hati tidak diserapkan (ke jawatan tetap) semuanya sekali gus," katanya.

Anwar yang juga Menteri Kewangan berkata, kerajaan juga bersetuju supaya elau *on call* diperluas kepada pegawai perubatan di enam klinik kesihatan yang terbabit dalam projek rintis bagi menangani kesesakan di hospital.

Peluasan bagi elau berkenaan turut dipanjangkan merangkumi hari kelepasan minggu.

"Saya juga mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan untuk mengkaji kemudahan ini supaya ia dipanjangkan kepada semua, selain pegawai perubatan," katanya.

Tiada doktor kontrak di Perak, Terengganu serta mogok

Kuala Terengganu: Perkhidmatan kesihatan awam di semua enam hospital dan klinik kesihatan di Terengganu berjalan lancar, meskipun ada ura-ura kumpulan doktor kontrak mahu mengadakan mogok selama tiga hari sejak kelmarin.

Pengarah Kesihatan Negeri Terengganu, Datuk Dr Kasamani Embong, berkata kebanyakan doktor kontrak hadir bekerja seperti biasa dan berharap situasi itu berterusan.

"Mogok Doktor Malaysia selama tiga hari bermula semalam (kelmarin) hingga esok (hari ini) itu diadakan serentak di seluruh negara kerana mendakwa kecewa dan tertekan dengan sistem penjagaan kesihatan negara.

"Setakat ini (hari kedua mogok) di Terengganu sama macam semalam (kelmarin) tiada doktor kontrak yang melakukan mogok di hospital atau klinik dan perkhidmatan kesihatan berjalan dengan lancar setakat ini," katanya di sini, semalam.

Dr Kasamani berkata, doktor kontrak juga dikatakan tidak mengambil cuti sakit atau sebagainya untuk tujuan mogok.

Beliau berkata, pihaknya yakin kumpulan doktor berkenaan yang bertugas di Terengganu sangat profesional, selain menghormati kesucian Ramadan apabila tidak menyertai kempen berkenaan.

Sementara itu, tinjauan di Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) Kuala Terengganu sejak kelmarin mendapati suasana di hospital berkenaan tenang dan operasi perkhidmatan berjalan lancar.

Semalam, keadaan seperti biasa dan beberapa kakitangan keselamatan turut membuat pemantauan di sekitar HSNZ sekiranya berlaku mogok atau demonstrasi daripada mana-mana doktor kontrak.

Di Ipoh, tiada doktor kontrak di Perak menyertai mogok sebagai memprotes isu perjawatan mereka yang masih tertangguh, setakat kelmarin, kata Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, A Sivanesan.

Sivanesan berkata, beliau mendapat maklum balas daripada Pengarah Kesihatan negeri bahawa semua doktor datang bekerja seperti biasa melainkan mereka yang mengambil cuti tahunan atau keceemasan.

Beliau turut mengesahkan perkhidmatan hospital di seluruh negeri itu tidak terganggu atau terjejas dengan isu itu.

Pelaksanaan cukai ke atas penjualan cecair vape e-rokok

Pendekatan hentikan tabiat merokok

Kuala Lumpur: Langkah mengenakan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk rokok elektronik adalah antara pendekatan sederhana diambil kerajaan untuk mengawal selia produk merokok yang mengandungi nikotin serta menghentikan tabiat merokok dalam kalangan rakyat di negara ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, berkata pada masa sama, kerajaan tetap tegas melarang perbuatan itu dilakukan di tempat seperti di sekolah dan Parlimen, selain meningkatkan kempen advokasi bagi memberi kesedaran bahaya merokok, terutama terhadap golongan muda.

"Kita ambil tindakan memberi kesedaran, tetapi mengambil tindakan mengharamkan nikotin, vape, rokok, itu agak drastik dan tak mampu dilakukan mana-mana negara dunia.

"Orang (masih) pilih untuk merokok, walaupun kita keluarkan kempen, sama seperti arak. Jadi sementara kita kempen mengena kesan negatif (rokok), tetapi



Cukai ke atas penjualan cecair vape adalah antara langkah kerajaan hentikan tabiat merokok dalam kalangan rakyat.

(Foto hiasan)

kita teruskan percubaan.

"Ini sekadar untuk tidak menjadikan bahan itu tersebar luas dan murah," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan tabahan Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat) impli-

kasi daripada tindakan kerajaan menyahsenaraikan produk cecair dan gel nikotin yang digunakan dalam alat rokok elektronik daripada Akta Racun 1952 yang seolah menggadaikan masa depan generasi muda yang terdedah kepada ketagihan dan penyakit berkaitan rokok.

Mengulas lanjut, Anwar berkata, beliau sedar keputusan itu mendapat bantahan khususnya daripada pelbagai badan perubatan profesional dan persatuan bukan kerajaan (NGO).

"Badan profesional semuanya menentang keras soal ini, tetapi pada hemat kerajaan buat sementara ini kita sukar untuk mengharamkan, tetapi boleh meningkatkan kesedaran.

"Ada ulama yang haramkan rokok umpamanya tetapi perokok (tetap) ada. Ini masalah (sejak) ribuan tahun. Sebab itu pendekatan kita sederhana, mengenakan cukai tetapi tegas untuk melarang (misalnya) di Parlimen, sekolah. Sekatan cukup meluas ke atas masyarakat terutama orang muda, (sama ada) bagi penggunaan vape atau rokok," katanya.

Pada masa sama, Anwar berkata, kerajaan komited untuk membentangkan rang undang-undang berkaitan kawalan produk merokok, termasuk rokok elektronik pada sidang Dewan Rakyat, Mei ini.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Penularan COVID-19

Jangkitan lonjak mendadak

11 kluster pendidikan direkod berikutan pembukaan sesi persekolahan

Oleh Irwan Shafrihan Ismail
bhnews@bh.com.my

Putrajaya: Kes COVID-19 meningkat mendadak, dengan 11 kluster pendidikan dilaporkan bagi Minggu Epidemiologi ketiga belas 2023 (ME13/2023), dari 26 Mac hingga 1 April lalu.

Peningkatan kes dan kluster COVID-19 itu berlaku berikutan pembukaan semula sesi persekolahan pada pertengahan Mac lalu, serta pergerakan masyarakat yang banyak ketika musim cuti sekolah yang lalu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah, berkata daripada 11 kluster pendidikan yang dilaporkan, enam kluster membabitkan ins-

titusi pendidikan Kementerian Pendidikan (KPM) iaitu tiga kolej dan masing-masing satu sekolah agama menengah, sekolah berasrama penuh dan sekolah menengah.

Lima lagi, katanya, adalah kluster pendidikan lain, iaitu empat maktab dan satu TASKA. Ia menjadi 18 kluster dilaporkan dari ME 1/2023 hingga ME 13/2023.

Berikutan itu, Dr Noor Hisham berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) memberi penekanan kepada sektor pendidikan untuk meningkatkan aspek kesihatan, termasuk kepentingan menjalani saringan bergejala terhadap pelajar, guru dan kakitangan sebelum masuk ke kawasan sekolah atau institusi.

"Ujian RTK-Ag ke atas murid, guru dan kakitangan perlu dijalankan mengikut strategi pengujian COVID-19, selain memperkasa ibu bapa memantau status kesihatan anak dan bertanggungjawab untuk tidak meng-

hantar anak ke sekolah jika bergejala.

"Institusi terbabit juga menjalankan penilaian risiko penularan jangkitan COVID-19 di institusi masing-masing dari semasa ke semasa supaya tindakan pencegahan dapat segera diambil," katanya.



Dr Noor Hisham

Penilaian risiko

Beliau turut mengingkatkan Pegawai Kesihatan Daerah supaya menjalankan siasatan dan penilaian risiko untuk menilai status penularan jangkitan bagi sekolah atau institusi pendidikan merekodkan kes positif.

Selain itu, katanya, tindakan pembersihan dan disinfeksi serta pengesanan kontak perlu dijalankan, di samping melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan COVID-19.

Sementara itu, beliau berkata, jumlah kemasukan pesakit COVID-19, termasuk pesakit yang disyaki COVID-19 ke fasiliti kesihatan bagi setiap 100,000 pen-

duduk, meningkat sebanyak 24.1 peratus pada ME 13/2023 berbanding ME 12/2023.

Beliau berkata, jumlah kemasukan pesakit COVID-19 ke hospital awam bagi setiap 100,000 populasi pada ME 13/2023, meningkat 80 peratus berbanding ME 12/2023 bagi pesakit kategori 1 dan 2, manakala kategori 3, 4 dan 5, meningkat 33.3 peratus.

"Peratus pengisian katil fasiliti COVID-19 pada ME 13/2023 bagi katil bukan kritikal, meningkat sebanyak 1.0 peratus; katil Unit Rawatan Rapi (ICU), tiada perubahan, kekal dengan 3.0 peratus.

"Peratusan pesakit COVID-19 memerlukan alat bantuan pernafasan (ABP) juga meningkat sebanyak 0.1 peratus," katanya.

Beliau berkata, surveilans Penyakit Seperti Influenza (ILI) dan Jangkitan Pernafasan Akut Teruk (SARI) bagi COVID-19 oleh KKM di lokasi sentinel seluruh negara mendapati, 56 sampel ILI dikesan positif COVID-19 dengan kadar positif 8.51 peratus pada ME 13/2023.

"Tiada sampel SARI dikesan positif COVID-19 pada ME 13/2023," katanya.

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 9
RUANGAN : NASIONAL

1.3 juta pelajar disaring, 43,019 dikesan merokok

**KKM terus perkasa,
perluas kempen
GEGAR-18 usaha
wujud persekitaran
bebas rokok**

Kuala Lumpur: Saringan terhadap 1.3 juta pelajar sekolah menengah menerusi program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK) tahun lalu, mendapati seramai 43,019 pelajar merokok.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni, berkata bagi tempoh sama, hasil saringan yang dijalankan terhadap dua juta pelajar sekolah rendah mengesan 341 murid turut terjejak dengan perbuatan itu.

"Murid yang dikenal pasti merokok diberikan intervensi berkesan rokok, manakala murid yang tidak merokok diberikan

pendidikan kesihatan berterusan bagi memastikan mereka kekal tidak merokok," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara, semalam.

Beliau berkata demikian bagi menjawab pertanyaan N Balasubramaniam yang ingin tahu perkembangan terkini pihak Kementerian Kesihatan (KKM) dalam Generasi Penamat AntiRokok (GEGAR-18) dan sejauh mana kempen ini berhasil.

Lukanisman berkata, KKM akan terus memperkasa dan memperluas program GEGAR-18 bagi memberi pengetahuan, penerangan dan pendidikan berterusan untuk mewujudkan persekitaran bebas dari sebarang bentuk amalan merokok.

Kekal bebas merokok

"Kempen ini juga dijalankan bagi memastikan kumpulan GEGAR-18 kekal bebas rokok sepanjang hayat mereka. Kempen GEGAR-18 juga dijalankan di sembilan institusi pengajian tinggi



Kempen dijalankan bagi memastikan kumpulan GEGAR-18 kekal bebas rokok sepanjang hayat mereka. (Foto hiasan)

(IPT) dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan dan Kementerian Pendidikan Tinggi.

"Selaras dengan kempen GEGAR-18 ini juga, 19 kampus universiti melaksanakan program MQUIT Universiti dan buat saringan serta intervensi untuk menghentikan tabiat merokok

dalam kalangan pelajar pengajian tinggi," katanya.

Katanya, KKM juga akan terus memperluas kempen GEGAR-18 bagi golongan belia yang tidak memasuki mana-mana IPT melalui kerjasama Majlis Belia Malaysia dan pertubuhan lain berkaitan. **BERNAMA**

Johor kekal larang jual vape

Johor Bahru: Kerajaan Johor mengekalkan larangan penjualan vape di negeri itu seperti diputuskan sejak 1 Januari 2016.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Mohd Jafri Md Shukor, berkata pendirian yang dibuat menerusi Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri sejak tujuh tahun lalu itu kekal meskipun kerajaan Pusat mewartakan duti eksais bagi cecair atau gel mengandungi nikotin vape mulai Sabtu lalu.

Katanya, kerajaan negeri mengenakan syarat bagi permohonan lesen di bawah pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan tidak membenarkan penjualan vape di premis perniagaan sejak larangan itu dibuat.

"Kita faham pada peringkat Pusat sudah ada kebenaran (cuakai bagi cecair vape). Jadi, kita tunggu arahan seterusnya daripada kerajaan Persekutuan.

"Setakat ini, kita tidak mendapat hitam putih dari segi arahan pengharapan vape, tetapi pada peringkat kerajaan Johor kita masih menggunakan dasar keputusan (larangan) yang lama pada 2016," katanya semalam. **BERNAMA**

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : LOKAL

Oleh Mohd Jamilul
Anbia Md Denin
anbia@hmetro.com.my

Kuala Lumpur

Tidak sampai empat hari vape nikotin dihalalkan dijual kepada umum, sudah ada pelajar sekolah yang diserang penyakit sawan kesan pengambilan vape atau rokok elektronik (e-rokok).

Perkongsian video di dalam laman sosial Facebook Public Health Malaysia, menunjukkan beberapa pelajar sekolah dengan bangga menghisap vape dengan memakai seragam sekolah.

Salah seorang pelajar sekolah terbabit kemudian dilihat mengurut bahagian dada manakala seorang lagi pelajar sekolah muntah di dalam kelas dipercayai kesan pengambilan nikotin vape.

Salah seorang guru bernama Saifullah turut berkongsi kejadian apabila salah seorang pelajarannya meracau, bibir menjadi putih dan badan kejang seumpama sawan.

Menurutnya, dia yang panik kemudian segera memberikan bantuan kecemasan sementara menunggu ambulans.

"Selepas tiga hari kejadian, barulah pelajar terbabit mendedahkan ia berpunca tindakannya menghisap vape cendawan secara sembunyi di dalam tandas sekolah," katanya.

Kejadian sama turut dikongsi individu bernama Anis mendakwa salah seorang ahli keluarganya diserang sakit kepala melampau sebelum muntah tanpa henti.

"Mangsa kemudian merapu seperti hilang kewarasan sambil memegang kepalanya yang sakit. Apabila disiasat, dia mendakwa menghisap cecair vape perisa baru dari rakannya," ka-

tanya.

Seorang lagi netizen turut melaporkan kejadian kemalangan maut dialami dua remaja selepas menghisap vape tahun lalu.

Public Health Malaysia sebelum ini menganggap tindakan membenarkan

penjualan cecair nikotin vape sebagai sejarah hitam kawalan tembakau negara.

Badan kesihatan itu menyifatkan tindakan membenarkan

jaan mengeluarkan nikotin, yang digunakan dalam gel dan cecair untuk e-rokok dan vape, daripada

senarai bahan terlarang di bawah

Akta Racun 1952 sebagai kesalahan serius.

Jualan vape itu dihalalkan bertujuan mengutip cukai daripada cecair vape yang berkuat kuasa pada 1 April lalu di mana duti eksais pada kadar RM0.40 akan dikenakan bagi setiap mili-

Penjualan vape dihalalkan bertujuan mengutip cukai yang berkuat kuasa 1 April



TANGKAP layar rakaman video yang menunjukkan seorang pelajar menghisap vape manakala seorang lagi muntah di dalam kelas akibat pengambilan cecair nikotin e-rokok.

Bangga hisap vape pakai baju sekolah

Ada pelajar sekolah yang diserang penyakit sawan, meracau, badan kejang kesan pengambilan rokok elektronik



Selepas tiga hari kejadian, barulah pelajar terbabit mendedahkan ia berpunca tindakannya menghisap vape cendawan secara sembunyi di dalam tandas sekolah"

Saifullah

liter cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan vape.

Pengecualian nikotin daripada Akta Racun sebelum meluluskan RUU Kawalan Produk Tembakau dan Merokok akan menyebabkan kanak-kanak dan remaja mendapat akses tanpa halangan kepada produk vape yang mengandungi nikotin.

"Tindakan ini bertentangan dengan keputusan sulat suara oleh Lembaga Racun yang berfungsi sebagai Penasihat Menteri Kesihatan dalam perihalan Racun," katanya.

Sebelum ini, media melaporkan Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa mengeluarkan warta menyatakan nikotin termasuk tembakau, tampalan dan gula-gula getah, cecair dan gel nikotin kini dikecualikan daripada Akta Racun 1952.

Pengecualian itu terpakai ke atas tampalan dan gula-gula getah nikotin, yang didaftarkan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984.

Sebelum ini, nikotin, dengan pengecualian kepada tembakau, diklasifikasikan sebagai racun Kumpulan C yang hanya boleh dijual doktor dan ahli farmasi.

AKHBAR : HARIAN METRO

MUKA SURAT : 12

RUANGAN : LOKAL

Bernama **PUASA & PENYAKIT BERKAITAN GULA**

Petaling Jaya

Berlapar dan menahan dahaga sehingga 12 hingga 15 jam adalah sinonim dengan amalan berpuasa di bulan Ramadan iaitu Rukun Islam ketiga, yang wajib dilaksanakan bagi setiap penganut agama Islam.

Bagaimanapun, mereka yang mempunyai masalah paras gula tinggi dalam darah dan penyakit refluks gastroesophageal (GERD), seperti diabetes (kencing manis) dan gastrik mungkin berasa sukar untuk menjalani ibadah ini kerana mereka perlu makan selang masa yang tetap.

Oleh yang demikian, apakah individu yang menghidap diabetes dan GERD boleh berpuasa?

Pakar Perunding Endokrinologi dan Diabetes Hospital Pakar KPJ Damansara 2, Dr Sharifah Faradila Wan Muhammad Hatta berkata, pesakit yang mempunyai masalah kesihatan terutama diabetes boleh dikesualikan daripada berpuasa.

"Bagaimanapun, ramai orang Islam yang menghidap diabetes berasa komited dan bertegas mahu berpuasa apabila tiba bulan Ramadan. Mereka ini dinasihatkan supaya mengambil pandangan doktor mereka dan berlatih puasa sebelum Ramadan.

"Di luar waktu berpuasa, mereka yang berpuasa mungkin perlu berhati-hati memilih makanan dan minuman untuk sahur dan iftar (berbuka puasa). Ini bagi memastikan paras gula dalam darah terkawal dan me-

reka juga perlu mengambil vitamin dan nutrien," katanya.

Menurut Dr Sharifah Faradila, secara purata di Malaysia, seorang daripada lima orang dewasa menghidap diabetes.

Beliau menjelaskan, diabetes mempunyai tiga jenis iaitu jenis 1, jenis 2, dan gestational diabetes yang berlaku dalam kalangan setengah ibu mengandung.

"Jenis 1 adalah keadaan kronik, lazimnya didiagnos dalam kalangan kanak-kanak dan remaja yang mana pankreas tidak mampu menghasilkan insulin atau hanya boleh menghasilkan jumlah yang terhad.

"Jenis 2 adalah diabetes paling biasa dalam kalangan rakyat Malaysia dengan 90 peratus pesakit berusia 18 hingga lebih 90 tahun. Ini berlaku apabila tubuh resistensi insulin atau tidak boleh menghasilkan insulin yang mencukupi.

"Sementara itu, jenis 3 iaitu gestational diabetes berlaku apabila tubuh tidak mampu menghasilkan insulin yang mencukupi ketika seseorang wanita hamil," katanya.

Insulin, tambahnya adalah hormon penting dihasilkan oleh pankreas yang membantu tubuh manusia menyerap glukos iaitu sumber uama tenaga tubuh manusia.

"Tanpa insulin, tahap glukos dalam tubuh boleh me-



DR Sharifah Faradila

ningkat tinggi dan menyebabkan isu jangka pendek seperti dehidrasi, kehilangan berat badan dan ketoacidosis, yang akan juga merosakkan organ penting dalam jangka masa panjang," katanya.

Secara puratanya, orang Islam berpuasa selama 13 jam sehari dalam bulan Ramadan dan menurut Dr Sharifah Faradila, keadaan itu akan menurunkan pengambilan makanan dan meningkatkan risiko hipoglikemia.

Beliau menjelaskan, hipoglikemia adalah keadaan berbahaya, yang mana paras glukos menjunam bawah paras normal iaitu kurang daripada 4 mmol/L (*millimoles per litre*) dan pesakit Jenis 1 dan Jenis 2 diabetes berisiko tinggi ditimpa keadaan ini.

"Mereka yang menghidap diabetes perlu segera berbuka puasa jika paras glukos jatuh bawah 4 mmol/L dengan mengambil 15-20g ka-

rbohidrat seperti jus buah-buahan, 4-5 *jelly babies* diikuti dengan makanan berkanji seperti sandwich," katanya.

Dr Sharifah Faradila menambah, selepas berbuka puasa, penghidap diabetes juga berisiko mengalami hiperglikemia, keadaan paras glukos dalam darah meningkat dengan cepat kepada lebih 10 mmol/L atau lebih.

"Keadaan ini berlaku sekiranya anda tidak mengambil ubat yang diarahkan doktor atau mengambil banyak karbohidrat, makanan bergula atau mereka tidak aktif secara fizikal seperti lazimnya. Paras gula yang tinggi dalam darah akan meningkatkan risiko dehidrasi, boleh menyebabkan pening kepala dan letih," katanya.

Menurut Dr Sharifah Faradila, pesakit diabetes disyorkan memeriksa paras gula dalam darah mereka secara kerap sepanjang hari sekiranya mereka memilih untuk berpuasa dalam bulan Ramadan.

"Ini terutama untuk pesakit yang memerlukan insulin, disyorkan periksa paras gula sekurang-kurangnya enam kali sehari iaitu sebelum bersahur, dua (2) jam selepas bersahur, pada jam 12 tengah hari, sebelum

berbuka puasa, dua (2) jam selepas berbuka dan sebelum tidur.

"Sekiranya ada gejala hipoglikemia atau hiperglikemia (paras gula dalam darah yang rendah atau tinggi), pesakit disyorkan berbuka puasa untuk menjadikan paras gula dalam darah kembali normal dan untuk mengelakkan komplikasi yang lebih teruk," katanya.

Dr Sharifah Faradila menasihati pesakit yang mengambil insulin perlu diarahkan untuk mengawal sendiri paras glukos dalam darah dan membuat sendiri pindaan dos insulin berdasarkan sasaran glukos sebelum masuk bulan Ramadan.

"Bagaimanapun, pesakit yang mengambil *premixed* insulin dua kali sehari perlu mengurangkan dos sebelum

sahur sebanyak 25 hingga 50 peratus dan untuk dos petang normal ketika berbuka puasa," katanya.

Selain itu, Dr Sharifah Faradila berkata, pesakit diabetes perlu memastikan mengamalkan diet yang sihat dan seimbang sepanjang bulan Ramadan.

Beliau menasihati mereka mengambil makanan yang rendah indeks glikemik (GI) dan makanan tinggi kandungan serat yang secara perlahan melepaskan tenaga sebelum dan selepas berpuasa, seperti beras perang, kekacang dan roti gandum.



PARAS gula yang tinggi dalam darah meningkatkan risiko dehidrasi serta boleh menyebabkan pening kepala dan letih.

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Kerajaan bersetuju pemberian elaun tambahan bertugas 'on-call' bagi kakitangan perubatan di klinik kesihatan (KK) dan jabatan kecemasan bagi mengatasi kesesakan fasiliti kesihatan awam.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim ketika mengumumkan perkara itu berkata, persetujuan itu turut membabitkan perluasan waktu, merangkumi cuti pelepasan mingguan kepada beberapa KK yang dikenal pasti.

Katanya, pemberian elaun tambahan berkenaan ketika ini, tidak termasuk bagi kakitangan perubatan yang bertugas di KK atau jabatan

Elaun tambahan tugas 'on-call' untuk kakitangan KK

kecemasan.

"Enam premis ini ialah KK yang terbabit dalam projek rintis bagi mengurangkan kesesakan di hospital kerajaan.

"Saya juga sudah arahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MoF) mengkaji supaya kemudahan ini dipanjangkan kepada semua, selain pegawai perubatan," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Ahli Parlimen Tambun yang juga Menteri Kewa-

ngan itu menjawab soalan tambahan Datuk Seri Madius Tangau (PH-Tuaran) mengenai kesediaan kerajaan meningkatkan kadar elaun 'on-call' diterima pegawai perubatan.

Mengenai kadar elaun berkenaan, Anwar berkata, jumlah itu masih bersesuaian dengan penetapan kadar mengikut hari tugas jam, berbanding kadar elaun lain diterima perkhidmatan lain.

Beliau antara lain mengakui perihal berkaitan tambahan elaun itu bukanlah antara tuntutan yang men-

jadi masalah dalam kalangan pegawai perubatan.

"(Isu) elaun ada dibangkitkan, tetapi ia adalah selain daripada gaji dan elaun umum.

"Walaupun dianggap kecil, diminta tambahan tetapi kadar semasa elaun tugas panggilan bagi panggilan perubatan, sama ada berkhidmat secara tetap atau kontrak dan diarah menjalankan tugas selepas waktu tugas biasa di hospital kerajaan, universiti atau tentera atau klinik desa masih bersesuaian," katanya.

Sementara itu, Anwar tu-

rut memberi jaminan untuk mengambil tindakan sewajarnya ke atas penolong pembantu perubatan yang berdepan masalah diberhentikan atau kontrak tidak disambung.

Ini kerana, katanya, dasar kerajaan menetapkan supaya layanan diberikan secara sama rata kepada semua petugas dalam sektor kesihatan, termasuk pembantu perubatan, ahli farmasi dan klinik pergigian.

"Setakat rekod kita, tidak benar mereka (penolong pembantu perubatan) diber-

hentikan atau kontrak tidak disambung (kontrak), melainkan ada kes tertentu.

"Bagaimanapun, saya beri jaminan sekiranya ada rekod diberhentikan tanpa sebab atau (kontrak) tak disambung, kita akan ambil tindakan untuk membolehkan mereka bertugas semula.

"Ada juga kemungkinan kalau mereka (penolong pembantu perubatan) memilih untuk berhenti bagi menyertai sektor swasta dan ia memang diizinkan.

"Kalau ada apa-apa senarai boleh dikemukakan, insya-Allah saya akan ambil tindakan," katanya menjawab soalan tambahan Bakri Jamaluddin (PN-Tangga Batu).

AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 18
RUANGAN : LOKAL

Kuala Lumpur: Saringan yang dijalankan terhadap 1.3 juta pelajar sekolah menengah mencek program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (Kotak) tahun lalu mendapati seramai 43,019 pelajar terabit dengan tabiat merokok.

Timbalan Menteri Kesihatan Lukanisman Awang Sauni berkata, dalam tempoh yang sama hasil saringan yang dijalankan terhadap 2 juta pelajar sekolah rendah mengesan seramai 341 murid turut terabit dengan perbuatan

Seramai 43,360 pelajar ada tabiat merokok

itu.

"Murid yang dikenal pasti merokok diberikan intervensi berkenaan rokok, manakala murid yang tidak merokok diberikan pendidikan kesihatan berterusan bagi memastikan mereka kekal tidak merokok," katanya pada sesi soal jawab di Dewan Negara semalam.

Beliau berkata demikian menjawab pertanyaan **Senator N Ba-**

lasubramaniam yang ingin tahu perkembangan terkini pihak Kementerian Kesihatan dalam Generasi Penamat-Anti-Rokok (Gegar-18) dan sejauh manakah kempen ini berhasil.

Lukanisman berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) akan terus memperkasa dan memperluaskan program Gegar-18 yang bertujuan memberi pengetahuan perundangan dan pendidikan berterusan

untuk mewujudkan persekitaran bebas dari sebarang bentuk amalan merokok.

"Kempen ini juga dijalankan bagi memastikan kumpulan Gegar-18 ini kekal bebas rokok sepanjang hayat mereka. Kempen Gegar-18 juga telah dijalankan di sembilan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) dengan kerjasama Yayasan Sukarelawan dan Kementerian Pendidikan tinggi.

"Selaras dengan kempen Gegar-18 ini juga, sebanyak 19 kampus universiti telah melaksanakan program MQUIT Universiti dan buat saringan serta intervensi untuk menghentikan tabiat merokok dalam kalangan pelajar pengajian tinggi," katanya.

Katanya KKM juga akan terus memperluaskan kempen Gegar-18 bagi golongan belia yang tidak memasuki mana-mana IPT melalui kerjasama Majlis Belia Malaysia dan pertubuhan lain yang berkaitan. - Bernama

Oleh Suraya Roslan
surayaroslan@mediaprima.com.my

Tidak boleh berlengah lagi

RUU kawalan produk merokok dibentang Mei ini

Kuala Lumpur

Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan kawalan produk merokok termasuk rokok elektronik atau peranti pengapian elektronik akan dibentang Mei ini.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, pembentangan itu tidak akan dilagukan dan Ahli Parlimen akan diberi ruang untuk berbincang pada mesyuarat kedua Parlimen ke-15.

Akuinya, pelaksanaan RUU itu tertangguh sebelum ini disebabkan terdapat banyak reaksi negatif daripada Ahli Parlimen.

"RUU berkaitan kawalan produk merokok mendapat banyak reaksi negatif daripada Ahli Parlimen, kerajaan bukan menolak tetapi pada prinsipnya kita akan terus membentangkan RUU ini tetapi tidak boleh dilakukan kerana pada peringkat awal kita setuju disekalakan RUU ini dengan cukai *vape*."

"Berikutan banyak bantahan, kita cadangkan Kementerian Kesihatan (KKM) akan berunding semula dengan Ahli Parlimen secara teliti dan badan kesihatan dengan maksud melaksanakan tahun ini. Saya rasa wa-



DR Ahmad Yunus

jar bagi ruang kepada Ahli Parlimen berbincang," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan **Datuk Dr Ahmad Yunus Haiiri (PN-Kuala Langat)** mengenai justifikasi tindakan kerajaan menyahsenaraikan produk cecair dan gel nikotin yang digunakan dalam alat rokok elektronik daripada Akta Racun 1952.

Anwar berkata, wajar untuk Ahli Parlimen diberikan ruang untuk melakukan

perbincangan termasuk melalui Jawatankuasa Pilihan Khas membabitkan beberapa peruntukan yang dianggap terlalu keras.

"Bagaimanapun, di peringkat sekarang, Jabatan Kastam tetap akan mengawal pengedaran (produk merokok). RUU ini saya harap dapat dibentangkan dalam sesi yang akan datang pada Mei."

"Sementara itu, kempen advokasi kesedaran menolak *vape* dan rokok ini harus ditingkatkan," katanya.

Menjawab soalan tambahan Dr Ahmad Yunus mengenai implikasi daripada tindakan kerajaan menyahsenaraikan produk itu daripada Akta Racun 1952, Anwar yang juga Ahli Parlimen Tambun berkata, kerajaan melihat pendekatan secara sederhana bagi mengawal selia semua produk merokok termasuk bahan mengandungi nikotin adalah langkah terbaik mampu dilaksanakan ketika ini.

"Kita ambil tindakan memberi kesedaran, tetapi mengambil tindakan mengharamkan nikotin, *vape*, rokok, itu agak drastik dan tak mampu dilakukan mana-mana negara dunia."

"Orang pilih untuk merokok walaupun kita keluaran kempen, sama seperti arak. Jadi sementara kita kempen mengenai kesan negatif (merokok), tetapi kita teruskan percubaan."

"Ini sekadar untuk tidak menjadikan bahan itu tersebar luas dan murah," katanya.

LANTIKAN TETAP DOKTOR KONTRAK

Isu selesai dalam tempoh tiga tahun

Kuala Lumpur: Kerajaan memberi jaminan isu lantikan tetap doktor kontrak akan diselesaikan dalam tempoh tiga tahun.

Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, penyerapan itu perlu dilaksanakan secara berperingkat selepas mengambil kira implikasi kewangan ditanggung kerajaan jika ia diselesaikan secara sekali gus.

Katanya, bagi tahun ini, seramai 4,300 daripada 20,333 doktor kontrak yang akan diserap ke jawatan tetap.

"Kita berikan perhatian (isu doktor kontrak). Tidak ada sama sekali niat untuk meremehkan kerana doktor kontrak berkhidmat dengan baik, berkorban masa dan tenaga, selain negara memang memerlukan (mereka)."

"Dalam Belanjawan 2023 peruntukan emolument (bernilai) RM19.7 bilion kepada Kementerian Kesihatan (KKM), peningkatan RM3 bilion berbanding 2022."

"Sejumlah RM3 bilion pertambahan emolument, termasuk RM1.2 bilion (ba-

gi) kenaikan gaji tahunan, selain peruntukan pertambahan bagi keperluan pegawai kontrak bernilai RM600 juta."

"Pelantikan ke jawatan tetap yang diserap daripada pegawai kontrak pula bernilai RM1.1 bilion," katanya pada Waktu Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat, semalam.

Beliau menjawab soalan **Datuk Seri Madius Tangau (PH-Tuaran)** berhubung jumlah keseluruhan pegawai perubatan lantikan kontrak dalam perkhidmatan awam dan implikasi kewangan jika semuanya diserap ke jawatan tetap.

Anwar berkata, kerajaan memahami perkara itu adalah isu lama yang berlarutan, justeru memberi jaminan akan menanganinya sebaik mungkin selain menambah baik peluang latihan kepakaran dan garis panduan sedia ada.

"Baki pegawai kontrak disasarkan untuk diserap menjelang 2025 dan dianggarkan membabitkan peruntukan tambahan sekitar RM1.7 bilion," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NEGARA

Kerajaan Negeri Johor kekal larangan jual beli rokok elektronik

JOHOR BAHRU – Johor berte gas tidak membenarkan sebarang penjualan rokok elektronik atau lebih dikenali sebagai vape seperti yang telah dikuat kuasa sejak 2016 walaupun cukai peranti itu telah dikuatkuasakan bermula 1 April lalu oleh Kerajaan Pusat.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Johor, Datuk Mohd. Jafni

Md. Shukor berkata, larangan itu masih terpakai melibatkan jual beli vape, termasuk perisanya sama ada berbentuk gel atau cecair, khususnya yang mengandungi nikotin.

"Tiada sebab untuk Johor mengubah pendirian berhubung larangan menjual vape hanya kerana Kerajaan Persekutuan mengenakan cukai ke atasnya,"

katanya di sini semalam.

Ujar Mohd. Jafni, larangan jualan vape di premis perniagaan adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT), manakala kesalahan menghisapnya di tempat awam tertakluk kepada Jabatan Kesihatan.

"Setakat ini, tiada mana-mana PBT di negeri ini mengeluarkan lesen perniagaan kepada mana-

mana pihak untuk menjual peranti vape dan produk berkaitan dengannya.

"Oleh itu, orang awam yang mempunyai maklumat berhubung penjualan vape berserta bahan perisa, khususnya yang mengandungi nikotin, boleh membuat laporan kepada PBT masing-masing.

Pada 1 Januari 2016, kera-

jaan Johor menguatkuasakan undang-undang melarang menghisap vape termasuk mengambil tindakan kepada peniaga yang didapati melakukan urusan jual beli peranti tersebut.

Undang-undang berkenaan dibuat ekoran titah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar yang melarang kegiatan tersebut di negeri itu.

RUU berkaitan kawalan produk rokok, rokok elektronik dibentang di Parlimen Mei 2023

Undang-undang kawal vape diperkenal

KUALA LUMPUR – Rang Undang-Undang (RUU) berkaitan kawalan produk rokok termasuk rokok elektronik atau peranti pengewapan elektronik akan dibentangkan pada sidang Parlimen Mei 2023.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar berkata, beliau memohon maaf di atas kelewatan pembentangan RUU itu disebabkan ramai Ahli Parlimen meminta beberapa peruntukan di dalamnya dikaji semula.

"Adakah kerajaan bertegas akan memperkenalkan undang-undang berkenaan? Saya jawab ya. Keputusan kita jelas, akan memperkenalkan.

DEWAN RAKYAT



"Kelewatan (pembentangan) saya mohon maaf kerana ramai Ahli Parlimen minta dikaji semula beberapa peruntukan, bukan bermaksud menolaknya," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan tabahan Dr. Kelvin Yii Lee Wuen

(PH-Bandar Kuching) sama ada kerajaan boleh memberikan komitmen RUU berkenaan akan diluluskan pada Mei 2023.

Menjawab soalan asal oleh Datuk Dr. Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat), Anwar berkata, duti eksais produk cecair mengandungi nikotin dikenakan sebelum ini kerana vape digunakan secara meluas.

"Penggunaan vape, saya secara peribadi, Kementerian Kesihatan dan doktor tidak menggalakkan rokok atau vape. Kerana terlalu meluas, ia dikenakan cukai. Kawasan rumah saya juga tidak boleh merokok. Itu arahan isteri saya," katanya.



PRODUK vape dikenakan cukai kerana ia kini digunakan secara meluas di negara ini. – GAMBAR HIASAN

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : NEGARA

Proses melibatkan peruntukan tambahan RM1.7 bilion 12,800 doktor kontrak diserap dalam 3 tahun

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR - Kerajaan komited untuk menyerap seramai 12,800 doktor kontrak dalam tempoh tiga tahun bermula dengan hampir 4,300 pegawai kontrak sebagai lantikan tetap pada tahun ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, baki lagi pegawai kontrak disasarkan untuk diserap menjelang 2025 dan dianggarkan melibatkan peruntukan tambahan sekitar RM1.7 bilion.

"Sebab itu, saya merayu sementara tuntutan itu munasabah bahawa mereka berkhidmat sekian lama, (tetapi) tahun ini untuk kita selesaikan semua tidak mampu. Setakat ini, jumlah keseluruhan pegawai perubatan lantikan kontrak 20,330.

"Hampir 12,800 pegawai perubatan kontrak yang telah tamat housemanship.

"Jadi, saya harap dapat di-

DEWAN RAKYAT



mengerti tidak ada sama sekali niat kita meremehkan kerana doktor kontrak ini berkhidmat dengan baik, berkorban masa dan tenaga dan memang negara memerlukan. Cuma untuk tahun ini, kita tambah RM1.7 bilion dan bagi saya, ini maksimum yang dapat kita lakukan," katanya pada sidang Dewan Rakyat di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Datuk Seri Panglima Madius Tangau (PH-Tuaran) mengenai jumlah pegawai perubatan lantikan kontrak dalam perkhidmatan awam dan implikasi kewangan yang terlibat jika semua mereka diserap

ke jawatan tetap.

Dalam pada itu, Anwar yang juga Menteri Kewangan mengumumkan, kerajaan bersetuju elauan bertugas on-call pegawai perubatan diperluas kepada pegawai perubatan di enam klinik projek rintis bagi mengatasi kesesakan fasiliti kesihatan awam.

"Blauan tambahan diberikan kerana sekarang ini elauan-elaun ini tidak termasuk bagi yang bertugas di klinik kesihatan atau jabatan kecemasan.

"Waktu perluasan dipanjangkan merangkumi hari pelepasan mingguan kepada enam klinik kesihatan yang terlibat dalam projek rintis bagi mengurangkan kesesakan hospital kerajaan," katanya.

Tambahnya, beliau juga mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan mengkaji kemudahan itu dipanjangkan kepada semua kakitangan perkhidmatan lain.



ISU doktor kontrak mampu diselesaikan dalam tempoh tiga tahun selepas 12,800 orang diserap ke jawatan tetap. - GAMBAR HIASAN

Siasat segera dalang di sebalik mogok doktor kontrak

PETALING JAYA - Pihak berkuasa digesa menyiasat dalang di sebalik mogok doktor kontrak yang disifatkan sebagai sengaja diadakan bagi menakutkan rakyat.

Pengerusi Jawatankuasa Sumber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri Perak, A. Sivanesan berkata, perkara tersebut disuarakan beliau menerusi pertemuannya dengan Ketua Polis Perak, Datuk Seri Mohd. Yusri Hassan Basri kelmari.

"Di Perak ada 1,611 orang doktor kontrak. Lebih 400 daripadanya merupakan doktor pakar, 200 lebih adalah doktor pelatih, manakala baki merupakan doktor perubatan.

"Kesemua doktor kontrak ini datang kerja. Isu berkaitan mogok ini sengaja diadakan untuk takutkan rakyat, jadi polis harus menyiasat siapa di belakang semua ini," katanya pada sidang akhbar di sini semalam.

Mengulas lanjut, Sivanesan berkata, doktor harus tahu, hanya kesatuan yang boleh menganjurkan mogok di bawah Akta Perhubungan Perusahaan 1967 Seksyen 45.

Di Klang, Selangor, perkara sama disuarakan Pengarah Hospital Tengku Ampuan Rahimah (HTAR), Dr. Zulkarnain Mohd.



OPERASI perkhidmatan kesihatan awam di Hospital Sultanah Aminah, Johor Bahru berjalan seperti biasa walaupun terdapat khabar angin doktor kontrak mengadakan mogok semalam.

Rawi yang meminta agar siasatan dibuat bagi mengenal pasti 'penghasut' mogok itu.

"HTAR okey (tiada mogok), kalau mogok boleh dikenakan tindakan tata tertib termasuk dibuang. Sekarang, mereka (doktor kontrak) dapat dari mana sampai viral untuk buat mogok ini.

"Kita sebagai doktor ada etika, kena lebihkan pesakit daripada diri sendiri. Kita bukannya (hamba) duit. Kalau tidak, jangan kerja dengan kerajaan. Bila sudah kerja, hendak letak-letak jawatan. Tidak payahlah (masuk sektor awam)," katanya.

Di Johor Bahru, kerajaan negeri berterima kasih dengan

komitmen ditunjukkan seramai 1,880 Pegawai Perubatan Lantikan Kontrak gred UD41 dan gred UD43 yang hadir bertugas di 24 fasiliti kesihatan seluruh negeri ini semalam.

Pengerusi Jawatankuasa Kesihatan dan Perpaduan Johor, Ling Tian Soon berkata, tidak berlaku kesesakan luar biasa di fasiliti

kesihatan kerajaan.

"Pemantauan fasiliti kesihatan kerajaan hari ini (semalam) mendapati, perkhidmatan merawat pesakit di klinik kesihatan dan hospital serta semua prosedur elektif yang dijadualkan berjalan lancar seperti biasa.

"Segala permasalahan pasti ada solusinya, tetapi mengadakan mogok bukanlah solusi terbaik. Saya berterima kasih kepada doktor-doktor kontrak di negeri ini kerana tidak melibatkan diri dalam mogok dan terus menawarkan khidmat terbaik kepada pesakit," ujarnya.


Di Kuala Terengganu, perkhidmatan kesihatan awam di semua enam hospital dan klinik kesihatan masih berjalan seperti biasa kerana tiada doktor kontrak yang mogok.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Datuk Dr. Kasemani Embong berkata, kebanyakan hadir bekerja seperti biasa dan saya harap situasi ini akan kekal.

Sementara itu, di Alor Setar, Pengarah Kesihatan Kedah, Dr. Othman Warjo berkata, 1,270 doktor kontrak didapati tidak mengambil cuti sakit atau keceemasan secara berkelompok setakat ini.

"Operasi semua hospital dan klinik kesihatan di Kedah berjalan lancar seperti biasa," katanya.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 15
RUANGAN : NEGARA



TAPAK tempat letak kereta di Hospital Seri Manjung yang sesak dengan kenderaan pengunjung hospital itu.

Kerajaan negeri, syarikat China mula perbincangan

Bina parkir bertingkat hospital di Perak

Oleh LUQMAN RIDHWAN
MOHD. NOR

IPOH – Kerajaan negeri Perak sedang mengadakan perbincangan dengan sebuah syarikat dari China bagi tujuan pembinaan tempat letak kereta bertingkat di hospital-hospital di negeri ini.

Pengerusi Jawatankuasa Sum-ber Manusia, Kesihatan dan Hal Ehwal Masyarakat India negeri, A. Sivanesan berkata, antara perkara dibincangkan termasuklah kos pembinaan tempat letak kereta tersebut, yang mana akan ditanggung sepenuhnya oleh syarikat berkenaan.

"Saya dah minta mereka kemukakan kertas kerja dan kerajaan tidak perlu menanggung apa-apa kos. Kalau berjaya, pihak swasta akan masuk (untuk bina tempat letak kereta bertingkat)

seperti di sebuah hospital universiti di Petaling Jaya dan selesaikan masalah itu.

"Orang awam bayar sedikit (untuk perkhidmatan) tetapi tempat letak kereta itu selamat," katanya pada sidang akhbar ketika menghadiri Majlis Berbuka Puasa Bersama Persatuan Pengamal Media Perak di sini kelmarin.

Beliau berkata, masalah kekurangan tempat letak kereta bukan sahaja berlaku di Hospital Raja Permaisuri Bainun (HRPB), Ipoh bahkan turut dihadapi di Hospital Teluk Intan, Hospital Seri Manjung, Hospital Taiping dan beberapa yang lain.

Pada masa sama, Sivanesan berkata, terdapat hospital yang mempunyai ruang mencukupi bagi pembinaan mewujudkan tempat letak kenderaan seperti Hospital Teluk Intan.

"Hanya 38 peratus tanah yang diperuntukkan bagi pembinaan hospital telah digunakan. Baki lebih 60 peratus adalah tanah kosong, jadi kita boleh bina tempat letak kereta bertingkat.

"Bagaimanapun, (tanah) di HRPB tak cukup. Di Taiping dan Manjung pun keadaan lebih kurang sama," katanya.

Mengulas lanjut, katanya, orang ramai diberikan kelengkapan untuk meletakkan kenderaan di tepi jalan di sekitar HRPB sehingga 23 Mei hadapan ekoran kerja-kerja ubah suai tempat letak kereta berhampiran Klinik Kesihatan Greentown.

Biarpun beliau telah meminta pihak polis untuk tidak mengeluarkan saman, ujarnya, orang ramai perlu memastikan kenderaan masing-masing tidak mengganggu lalu lintas.

AKHBAR : KOSMO
MUKA SURAT : 16
RUANGAN : NEGARA



OTHMAN (kiri) menyampaikan cenderamata kepada peniaga di Bazar Ramadan Taman Sri Aman, Jitra kelmarin.

Peniaga kurang bersih, tiada suntikan tifoid dikompaun

JITRA – Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Kedah mengeluarkan sebanyak 37 notis kompaun kepada peniaga bazar Ramadan atas pelbagai kesalahan termasuk tahap kebersihan tidak memuaskan dan pengendali makanan tidak mempunyai suntikan anti tifoid.

Pengarah Kesihatan negeri, Dr. Othman Warijo berkata, kompaun itu dikenakan setelah pihaknya melakukan pemeriksaan menerusi Operasi Bazar Ramadan ke atas 1,607 gerai ter-

masuk pembekal ais dan 2,713 pengendali makanan di bazar Ramadan bermula 26 Mac hingga 1 April lalu.

"Aktiviti persampelan makanan juga dilaksanakan semasa operasi bazar Ramadan dan sebanyak 19 sampel makanan telah diambil setakat ini.

"Kesemua sampel dihantar untuk analisis makmal dan tiada pelanggaran dilaporkan," katanya selepas melakukan tinjauan operasi Bazar Ramadan Taman Sri Aman, di sini kelmarin.

Kata beliau, tiada kes keracunan makanan dilaporkan berpunca dari bazar Ramadan pada tahun lalu, namun pihaknya akan terus memastikan makanan dijual selamat dan mematuhi kehendak Akta Makanan 1983, Peraturan-peraturan Makanan 1985 serta Peraturan-peraturan Kebersihan 2009.

"Pihak JKN akan sentiasa memantau penyediaan dan tahap kebersihan makanan di bazar Ramadan melalui Operasi Bazar Ramadan 2023," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 4
RUANGAN : NASIONAL

Perluas elaun *on call* di enam klinik kesihatan

KUALA LUMPUR -

Kerajaan bersetuju memperluaskan elaun *on call* kepada pegawai perubatan di enam klinik kesihatan yang terlibat dalam projek rintis bagi menangani kesesakan di hospital.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, peluasan bagi elaun berkenaan turut dipanjangkan merangkumi hari kelepasan mingguan.

"Elaun tambahan diberikan sebab sekarang ini tidak termasuk bagi yang bertugas di

PROJEK RINTIS

klinik kesihatan dan jabatan kecemasan.

"Kerajaan bersetuju bahawa elaun tugas

pegawai perubatan selepas waktu pejabat yang *on call* di klinik kesihatan dan jabatan kecemasan hospital dan waktu peluasan dipanjangkan merangkumi hari kelepasan mingguan.

"Saya juga telah mengarahkan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan Kementerian Kewangan (MoF) untuk mengkaji kemudahan ini supaya ia dipanjangkan kepada semua

selain pegawai perubatan," katanya ketika sesi waktu pertanyaan menteri di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau menjawab soalan tabahan Datuk Seri Wilfred Madius Tangau (PH-Tuaran) yang ingin mengetahui sama ada kerajaan bercadang menaikkan jumlah elaun *on call* kepada doktor.

Ahli Parlimen Tambun itu memaklumkan, kerajaan akan menyerap 12,800 orang doktor dalam tempoh tiga tahun dengan tahun ini menyerap 4,300 pegawai kontrak sebagai lantikan

tetap.

"Setakat ini, jumlah keseluruhan pegawai perubatan lantikan kontrak ialah 20,330 dan daripada jumlah tersebut terdapat hampir 12,800 pegawai perubatan kontrak yang telah tamat *housemanship*.

"Sebab itu saya harap dapat dimengerti, tidak ada sama sekali niat kita untuk meremehkan kerana doktor kontrak berkhidmat dengan baik, berkorban masa, tenaga dan memang negara memerlukan (khidmat)," katanya.

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NASIONAL

Kasihani doktor kontrak

AWANG berasa lega walaupun ada ancaman doktor kontrak nak mogok mulai Isnin lalu, tapi rata-rata semua hospital tak alami masalah. Mereka khabarnya bekerja macam biasa.

Tapi itu bukan bermakna Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) patut lupakan mereka. Mereka dah lama berjuang. Mereka mahukan masalah mereka diselesaikan. Mereka mahukan keadilan. Mereka kecewa oleh sebab selama ini tidak ada jaminan kerajaan untuk selesaikan masalah mereka.

Kerajaan pula kata tak mungkin boleh serapkan kesemua 5,000 orang doktor kontrak sekali gus. Tuk Seri Perdana Menteri pun sebut pasal kekurangan kewangan untuk buat begitu. Oleh itu, beliau bagi jaminan hal tersebut akan selesai dalam masa tiga tahun.

Kata PM, KKM peruntukan RM3 bilion setahun untuk lantikan baharu secara tetap dan kontrak bagi lebih 1,500 pegawai perubatan, pegawai pergigian dan pegawai farmasi.

Awang harga niat baik Tuk Seri PM. Awang rasa doktor kontrak pun faham hal itu. Mereka sekadar mahukan kepastian dan nak tahu apakah pelan masa depan kerajaan dalam soal ini. Nampaknya tenaga mereka diperah tapi jaminan masa depan tak ada.

Awang pun harap sangat KKM tukar strategi dalam menangani hal seperti ini. Kita semua tahu negara kekurangan doktor, tapi doktor yang ada tak dimanfaatkan sebaiknya.

Nak sampai pada tahap nak jadi doktor bukan mudah. Dah jadi doktor pelatih kena buat praktikal dan kerja kuat lagi.

Bertimbang rasalah pada mereka. Mereka anak-anak muda kita yang mahu berbakti pada negara.

Pendirian kerajaan terhadap vape, rokok

Pilih pendekatan sederhana kawal selia produk rokok dan bernikotin

Oleh **DIANA AZIS**
KUALA LUMPUR

Kerajaan mengambil pendekatan sederhana dalam usaha mengawal selia semua produk rokok termasuk bahan mengandungi nikotin ketika ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, tindakan drastik seperti mengharamkan semua produk berkaitan rokok dan vape tidak mampu mengawal masyarakat menghentikan tabiat mereka.

"Kita ambil tindakan memberi kesedaran tetapi mengambil tindakan ekstrem (iaitu) mengharamkan vape, nikotin, rokok itu agak drastik dan tidak mampu dikendalikan oleh mana-mana negara dunia.

"Itu sebab kerana ramai orang (masih) pilih untuk merokok walaupun kita keluarkan kempen sama seperti arak.

"Jadi sementara kita 'berkempen' mengenai kesan negatif (rokok), tetapi kita teruskan dengan (mengenakan) percukain sekadar untuk tidak menjadikan bahan itu tersebar luas dan murah.

"Saya setuju bahawa badan-badan kesihatan profesional semuanya tanpa kecuali termasuk doktor, memang menentang keras soal ini tetapi pada



Kerajaan mengakui bahawa mengharamkan semua produk berkaitan rokok dan vape tidak mampu kawal masyarakat daripada menghentikan tabiat mereka.

**PERSIDANGAN
PARLIMEN KE-15**

pandangan kerajaan buat sementara ini sukar untuk mengharamkan tetapi kita boleh meningkatkan kesedaran," katanya pada sesi pertanyaan menteri di Dewan Rakyat pada Selasa.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan tambahan **Datuk Dr Ahmad Yunus Hairi (PN-Kuala Langat)** mengenai implikasi tindakan kerajaan menyahsenaraikan produk cecair dan gel nikotin yang digunakan dalam alat rokok elektronik daripada Akta Racun 1952 yang seolah-olah menggadaikan masa depan generasi muda yang terdedah kepada ketagihan dan penyakit berkaitan rokok.

Sementara itu, Ahli Parlimen Tambun tersebut memaklumkan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) akan membentangkan rang undang-undang

berkaitan kawalan produk merokok termasuk rokok elektronik atau peranti pengewapan elektronik pada Mesyuarat Kedua, Penggal Kedua yang dijangka pada Mei nanti.

"Kerajaan akan mempergiatkan kempen advokasi kesedaran menolak vape dan merokok harus ditingkatkan," jelasnya.

Semasa pembentangan Belanjawan 2023 pada 24 Februari lalu, kerajaan mengumumkan cadangan untuk mengenakan duti eksais ke atas produk cecair atau gel mengandungi nikotin yang digunakan untuk rokok elektronik dan peranti pengewapan elektronik.

Pada 1 April lepas pula, media melaporkan kerajaan menerusi notis warta Kerajaan Persekutuan melaksanakan cukai ke atas penjualan cecair vape untuk rokok elektronik pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml).

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

Lebih 40,000 pelajar sekolah menengah dikesan merokok

KUALA LUMPUR - Saringan terhadap 1.3 juta pelajar sekolah menengah menerusi program Kesihatan Oral Tanpa Asap Rokok (KOTAK) tahun lalu, mendapati seramai 43,019 pelajar terlibat dengan tabiat merokok.

Timbalan Menteri Kesihatan, Lukanisman Awang Sauni berkata, dalam tempoh yang sama hasil saringan yang dijalankan terhadap 2 juta pelajar sekolah rendah mengesan seramai 341

murid turut terjebak.

"Murid yang dikenal pasti merokok diberikan intervensi berkenaan rokok, manakala murid yang tidak merokok diberikan pendidikan kesihatan berterusan bagi memastikan mereka kekal tidak merokok," katanya di Dewan Negara pada Selasa.

Beliau menjawab pertanyaan Senator N Balasubramaniam yang ingin tahu perkembangan terkini pihak Kementerian

Kesihatan dalam Generasi Penamat-Anti-Rokok (GEGAR-18) dan sejauh manakah kempen ini berhasil.

Lukanisman berkata, Kementerian Kesihatan (KKM) terus memperkasa dan memperluaskan program GEGAR-18 yang bertujuan memberi pengetahuan perundangan dan pendidikan berterusan untuk mewujudkan persekitaran bebas daripada amalan merokok. - *Bernama*

AKHBAR : SINAR HARIAN
MUKA SURAT : 10
RUANGAN : NASIONAL

Hospital masih tenang

Operasi berjalan seperti biasa di hospital kerajaan pada hari kedua mogok doktor kontrak

SHAH ALAM

Memasuki hari kedua, pada Selasa, masih tiada gerakan mogok oleh doktor kontrak di semua hospital kerajaan di seluruh negara seperti dirancang.

Tinjauan *Sinar Harian* di beberapa hospital kerajaan mendapati, keadaan terkawal tanpa ada sebarang kekecohan mogok yang didakwa akan berlangsung selama tiga hari bermula Isnin sehingga hari ini.

Suasana di Hospital Shah Alam, **SELANGOR** setakat tengah hari Selasa masih tenang, tiada kelibat kumpulan doktor kontrak memakai pakaian serba hitam sebaliknya, hanya kehadiran jumlah pesakit yang ramai untuk mendapatkan khidmat rawatan sejak awal pagi.

Pengawal keselamatan di Hospital Shah Alam yang ditemui di kaunter informasi juga memaklumkan tiada sebarang mogok diadakan di hospital terbabit pada Isnin dan Selasa setakat ini.

Situasi tenang turut dilaporkan di

Hospital Tengku Ampuan Afzan (HTAA), Kuantan, **PAHANG** setakat semalam.

Malah rata-rata orang ramai dan pesakit yang ditemui mengakui lega apabila mogok doktor kontrak yang dirancang tidak berlaku.

Bagi Rosmawizatulakma Mohamad Rawi, 38, yang datang ke pusat rawatan harian HTAA pada Isnin dan Selasa untuk pemeriksaan buah pinggang mengakui tidak menghadapi sebarang masalah ketika berurusan dalam tempoh dua hari itu.

"Saya yakin semua doktor termasuk doktor kontrak bertugas seperti biasa."

"Saya secara peribadi tidak setuju jika doktor melakukan mogok kerana boleh jejas kan kepentingan pesakit," ujarnya.

Di **KEDAH**, rata-rata pengunjung Hospital Sultanah Bahiyah (HSB) Alor Setar berasa lega apabila tidak berlaku sebarang mogok seperti dirancang.

Seorang waris kepada pesakit yang mahu dikenali Danny berkata, dia turut mengikuti perkembangan semasa berhubung isu doktor kontrak yang dilaporkan mahu melakukan mogok namun bersyukur kerana keadaan masih terkawal.

"Saya agak susah hati juga jika benar mogok ini berlaku kerana mampu beri kesan kepada perkhidmatan kesihatan di negara ini," katanya.

Doktor kontrak fokus kerja

Di **KELANTAN**, seorang doktor kontrak yang bertugas di Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), Kota Bharu

Sehingga tengah hari Selasa, keadaan lobi utama Hospital Shah Alam masih dalam suasana tenang dan operasi hospital berjalan dengan baik serta terkawal.

memaklumkan, mereka mengambil keputusan untuk bertugas seperti biasa tanpa melakukan mogok.

"Kami memilih meletakkan kepentingan awam di hadapan selari dengan profesion sebagai seorang doktor."

"Mogok boleh memberikan kesan yang tidak baik selain mengakis keyakinan masyarakat kepada kami," katanya.

Menurut beliau, setakat ini doktor kontrak tidak berdepan dengan masalah berkaitan pembayaran gaji termasuklah elaun kerja lebih masa.

Bagaimanapun beliau menyokong segala tuntutan yang dikemukakan kumpulan doktor-doktor kontrak.

Di **MELAKA**, Pengarah Hospital Melaka, Dr Zaharimah Abdul Kadir ketika dihubungi memaklumkan, semua perkhidmatan di hospital dan klinik kesihatan kerajaan di negeri itu tidak berdepan dengan situasi mogok.

"Semua berjalan normal tanpa sebarang masalah," katanya ringkas.

Di **PULAU PINANG**, Exco Agroteknologi dan Keselamatan Makanan, Pembangunan Luar Bandar dan Kesihatan negeri, Dr Norfela Ariffin ketika dihubungi berkata, kesemua perkhidmatan kesihatan awam di negeri ini berjalan seperti biasa.

"Alhamdulillah, perkhidmatan di hospital dan klinik di seluruh Pulau Pinang berjalan seperti biasa."

"Semua pihak sedang memantau perkara ini dengan rapi," kata beliau.

Sementara itu di **IPOH**, Jabatan Kesihatan Negeri Perak mengesahkan tiada doktor kontrak yang bertugas di fasiliti kesihatan di negeri ini menyertai mogok pada Isnin.

Exco Sumber Manusia, Kesihatan, Hal Ehwal Masyarakat India dan Integrasi Perak, A Sivanesan berkata, perkara itu dimaklumkan sendiri oleh Pengarah Jabatan Kesihatan negeri, Dr Sirajuddin Hashim apabila kesemua 1,600 doktor kontrak di Perak bertugas seperti biasa.

Menurutnya, tindakan yang dicetuskan oleh pihak tertentu melancarkan kempen mogok terbabit dilihat sebagai dilakukan untuk mencetuskan ketakutan dalam kalangan masyarakat.



Pesakit di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu tidak menghadapi sebarang masalah dan mendapatkan rawatan seperti biasa ketika berurusan pada Selasa.



Aktiviti di Pusat Rawatan Harian Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan berjalan lancar seperti biasa pada Selasa.

KKM alu-alukan kerjasama, cadangan Hartal Doktor Kontrak

SHAH ALAM - Menteri Kesihatan, Dr Zaliha Mustafa mengalu-alukan kerjasama dan cadangan Hartal Doktor Kontrak untuk memastikan transformasi terhadap perkhidmatan penjagaan kesihatan negara ini dapat dilakukan.

Menurutnya, usaha untuk menangani masalah doktor kontrak akan melibatkan pendirian mereka berhubung mogok doktor kontrak baru-baru ini.

"Saya juga memahami kekecewaan dan

masalah yang dialami kini, jadi saya bersama rakan-rakan di pelbagai kementerian melalui Suruhanjaya Reformasi Kesihatan akan mempercepatkan usaha menangani isu tersebut," katanya dalam hantaran menerusi Facebook rasmi beliau.

Pada masa sama, Dr Zaliha turut berterima kasih kepada gerakan itu kerana menjelaskan pendirian mereka berhubung mogok doktor kontrak baru-baru ini.

Jelas beliau, kematangan, kesabaran dan pemahaman mereka dalam menangani masalah itu sememangnya boleh membawa kepada penyelesaian bersama.

Pada Isnin, pihak sekretariat Hartal Doktor Kontrak memaklumkan bahawa pihaknya tidak terbabit dan tiada sebarang pengaruh secara langsung atau tidak langsung dalam mogok doktor kontrak yang dijadual diadakan mulai Isnin sehingga hari ini.



DR ZALIH

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NASIONAL

Covid-19: KKM saran lakukan saringan susulan peningkatan kluster pendidikan

KUALA LUMPUR - Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) menyarankan kepada sektor pendidikan untuk melakukan saringan terhadap pelajar, guru dan kakitangan susulan 11 daripada 18 kluster Covid-19 yang dilaporkan pada Minggu Epidemiologi ketujuh 2023 (ME 13/2023) dari 26 Mac hingga 1 April adalah kluster pendidikan.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah dalam kenyataan pada Selasa berkata, daripada jumlah itu, enam kluster melibatkan institusi pendidikan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) iaitu tiga kolej dan masing-masing satu di sekolah agama menengah, sekolah berasrama penuh serta sekolah menengah.

Beliau berkata, lima kluster lagi adalah kluster pendidikan lain iaitu empat di maktab dan satu melibatkan taman asuhan kanak-kanak.

"Peningkatan kes dan kluster Covid-19 ketika ini berlaku berikutan pembukaan semula sesi persekolahan pada pertengahan Mac 2023.

"Peningkatan kes ini juga disebabkan oleh pergerakan masyarakat yang banyak sewaktu musim cuti sekolah yang lalu," katanya.

Untuk itu, sektor pendidikan disarankan melakukan saringan bergejala terhadap pelajar, guru dan kakitangan sebelum masuk ke kawasan sekolah atau institusi serta menjalankan ujian

RTK-Ag ke atas pelajar, guru dan kakitangan mengikut strategi pengujian Covid-19.

Selain itu, katanya, ibu bapa juga perlu memantau status kesihatan anak dan bertanggungjawab untuk tidak menghantar mereka ke sekolah sekiranya bergejala serta menjalankan penilaian risiko penularan jangkitan Covid-19 di institusi masing-masing dari masa ke masa agar tindakan pencegahan segera diambil.

Dr Noor Hisham dalam pada itu turut mengingatkan pegawai kesihatan daerah agar kes positif yang dilaporkan pihak sekolah atau institusi pendidikan perlu disiasat dan dijalankan penilaian risiko untuk menilai status penularan jangkitan, selain tindakan pembersihan serta disinfeksi dan pengesanan kontak perlu dilakukan.

Selain itu, orang ramai juga disarankan untuk terus mengamalkan TRIIS [Test (Uji), Report (Lapor), Isolate (Asing), Inform (Maklum) dan Seek (Dapatkan rawatan)] bagi mengawal penularan Covid-19.

Mengenai perkembangan kes Covid-19, Dr Noor Hisham berkata, jumlah kemasukan pesakit ke fasiliti kesihatan bagi setiap 100,000 penduduk meningkat 24.1 peratus pada ME 13/2023 berbanding ME 12/2023 dengan kumulatif kes baharu sebanyak 5,052,337 kes, manakala 5,004,546 bagi kes sembuh. - Bernama



Sektor pendidikan diharap dapat melakukan saringan ke atas murid, guru dan kakitangan sekolah susulan peningkatan kes Covid-19 melibatkan kluster berkenaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 25

RUANGAN : NEGERI

Johor kekal larangan jual beli vape

Keputusan berkenaan
masih kekal sejak 2016
sehingga ke hari ini

Oleh SHAHRIZAL AHMAD ZAINI
JOHOR

Kerajaan negeri Johor tetap dengan pendirian untuk tidak membenarkan sebarang urusan jual beli vape atau rokok elektronik di negeri berkenaan.

Menurut Exco Perumahan dan Kerajaan Tempatan Negeri, Datuk Mohd Jafni Md Shukor, keputusan berkenaan masih kekal sehingga ke hari ini selaras dengan keputusan hasil Majlis Mesyuarat Kerajaan (MMK), pada 2016 lalu.

"Di negeri Johor ni memang kita larang jual beli vape, tapi saya tahu

ada agensi yang buka walaupun dalam syarat lesen tertera tidak dibenarkan perniagaan rokok elektronik (vape) ini."

"Sebenarnya pada 1 Januari 2016, dalam mesyuarat MMK dah putuskan tidak dibenarkan menjual vape dan keputusan kerajaan negeri itu masih kekal sehingga ke hari ini.

"Sebab itu dalam syarat lesen, tertera tidak dibenarkan perniagaan rokok elektronik dan di peringkat PBT, boleh batalkan lesen perniagaan," katanya ketika ditemui sempena program Singgah Sahur Kelab Media Johor, pada awal pagi Selasa.

Mohd Jafni berkata demikian bagi mengulas langkah kerajaan yang melaksanakan cukai dengan mewartakan duti eksais bagi cecair vape dengan kandungan nikotin pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml) dalam usaha me-



MOHD JAFNI

ngenakan cukai produk cecair atau gel yang mengandungi nikotin.

Sementara itu Mohd Jafni berkata, setakat ini pihaknya masih belum menerima aduan mengenai penjualan vape di negeri itu.

Bagaimanapun katanya, larangan berhubung jual beli vape di negeri Johor masih kekal sehingga ke hari ini.

"Setakat ini aduan tu tak ada, mungkin dia orang tak tahu benda tu (jual vape) salah sebab kelulusan itu dah lama.

"Bagaimanapun, di peringkat PBT, kita memang akan ambil tindakan batalkan lesen, bukan lesen vape itu sahaja tetapi dia tidak boleh beroperasi.

"Kita juga tunggu arahan di peringkat Persekutuan. Kita tidak dapat hitam putih pengharaman vape ni, namun kita masih guna dasar dan keputusan sama pada 2016 lalu," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : DALAM NEGERI

PM: 12,800 doktor kontrak diserap secara berperingkat

Oleh MOHD. FADHLI
MOHD. SULAIMAN
fadhli.sulaiman@mediamula.com.my

KUALA LUMPUR: Kerajaan akan menyerap 12,800 doktor kontrak yang tamat latihan klinikal (*housemanship*) ke jawatan tetap secara berperingkat dalam tempoh tiga tahun.

Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim berkata, langkah itu bermula dengan 4,300 pegawai kontrak akan diserapkan ke jawatan tetap tahun ini dan bakinya akan menyusul sehingga semuanya selesai menjelang 2025.

Menurut beliau, keputusan tersebut membabitkan implikasi kewangan tambahan sekitar RM1.7 bilion.

"Ketika kerajaan menyerap doktor kontrak sedia ada ini, pada masa sama Kementerian Kesihatan akan terus membuat lantikan kontrak bagi tujuan *housemanship* yang turut memberi implikasi kepada peningkatan kos emolumen kementerian saban tahun," kata Perdana Menteri semasa Pertanyaan-Pertanyaan Menteri di Dewan Rakyat semalam.

Anwar menjawab soalan Datuk Seri Wilfred Madius Tangau



HOSPITAL Kuala Lumpur beroperasi seperti biasa ketika doktor kontrak melancarkan mogok di seluruh negara dari kelmarin hingga hari ini. - UTUSAN/ AMIR KHALID

mengenai jumlah keseluruhan pegawai perubatan lantikan kontrak dalam perkhidmatan awam dan implikasi kewangan jika semua dilantik secara tetap.

Dalam isu sama, kata Anwar, kerajaan tidak mampu menyelesaikan semua 20,000 pegawai perubatan kontrak yang sedang mogok kerana perlu peruntukan besar.

Anwar yang juga Menteri Ke-

wangan berkata, dalam Belanjawan 2023, kerajaan memperuntukkan emolumen RM19.7 bilion kepada Kementerian Kesihatan iaitu peningkatan RM3 bilion berbanding 2022.

"RM3 bilion pertambahan, termasuk RM1.2 bilion bagi kenaikan gaji tahunan, selain peruntukan tambahan bagi keperluan pegawai kontrak RM600 juta. Lantikan jawatan

tetap daripada pegawai kontrak bernilai RM1.1 bilion.

"Jadi, kalau tahun ini kita selesaikan semuanya, kerajaan tidak mampu. Namun, kerajaan beri perhatian isu doktor kontrak. Tidak ada sama sekali niat untuk meremehkan kerana doktor kontrak berkhidmat dengan baik, berkorban masa dan tenaga, selain negara memang memerlukan mereka," katanya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : DALAM NEGERI

'Tolong maklumkan saya jika doktor mogok diambil tindakan'

LIMA SOALAN



UTUSAN: Apa respons Yang Berhormat mengenai mogok doktor kontrak sejak kelmarin?

KELVIN: Ia sepatutnya dilakukan secara sistematik dan tersusun supaya pesakit dalam rawatan tidak terjejas. Lebih penting ialah tindakan susulan dan penglibatan Kementerian. Saya menggalakkan Kementerian untuk melibatkan diri dengan pelbagai kumpulan doktor bagi memastikan suara mereka didengari terutama dalam jawatankuasa peringkat tinggi yang dibentuk oleh Kementerian Kesihatan baru-baru ini.

Isu ini sudah sangat lama dan memerlukan pembaharuan. Saya sendiri akan memainkan peranan atas kapasiti sebagai ahli Parlimen dan juga doktor untuk memastikan pembaharuan dalam sektor kesihatan ini dapat direalisasikan. Bukan sahaja di peringkat Kementerian Kesihatan, tetapi Kementerian-

MUKADIMAH

HARI ini merupakan hari terakhir kumpulan Mogok Doktor Malaysia menunjukkan bantahan terhadap kerajaan dengan tidak hadir bekerja yang digerakkan sejak Isnin lalu. Ia berhubung tuntutan pelantikan ke jawatan tetap Kementerian Kesihatan serta imbuhan lain yang selayaknya diterima.

Meskipun kumpulan itu mendakwa lebih 10,000 doktor perubatan terlibat sehingga mendakwa sistem kesihatan negara lumpuh sepenuhnya, laporan-laporan media pula menggambarkan sebaliknya, malah Kementerian Kesihatan berkata keadaan masih terkawal.

Wartawan *Utusan Malaysia*, **MOHD. FADHLI MOHD. SULAIMAN** bertemu Ahli Parlimen Bandar Kuching juga bekas Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Parlimen (Kesihatan, Sains dan Inovasi), **DR. KELVIN YII** di Dewan Rakyat berbincang perkara ini.

kementerian lain, Kementerian Kewangan dan Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) bagi memastikan mereka tampil dengan pembaharuan yang sesuai.

Apa pun, saya menghormati hak setiap petugas kesihatan dalam menuntut apa yang dirasakan wajar. Semasa pandemik Covid-19, petugas kesihatan bekerja kuat dan adalah wajar mereka dijaga dari aspek fizikal dan mental dengan menerima

imbuhan yang selayaknya.

Bagaimana jika doktor mogok dikenakan tindakan?

Kami sedang melakukan pemantauan terhadap isu ini. Saya telah pun berbincang dengan Menteri Kesihatan, Dr. Zaliha Mustafa supaya pegawai perubatan tidak dikenakan tindakan.

Jika ada, tolong maklumkan pada saya dan saya akan mendesak kerajaan untuk tidak mengambil tindakan ke atas

mereka. Hak mereka harus didengari, tetapi ia perlulah munasabah dan tidak mendatangkan mudarat kepada pesakit.

Ada dakwaan pembangkang dalang di sebalik mogok memandang Hartal Doktor Kontrak tidak mengetahuinya?

Saya tidak mahu membuat spekulasi. Saya juga ada bertaunya sebab saya mahu berhubung dengan pihak di sebalik mogok ini. Sehingga kini, Kementerian juga tidak tahu siapa yang berada di sebaliknya. Kumpulan besar doktor, persatuan perubatan dan Hartal Doktor Kontrak sendiri telah menjauhkan diri dari mereka. Walau apa pun, kita tidak sepatutnya mengendahkan perkara yang dituntut.

Bukankah ini masanya mendesak kerajaan menubuhkan Suruhanjaya Kesihatan?

Suruhanjaya Kesihatan ini memang terdapat dalam Kertas Putih Kesihatan yang merupakan salah satu pembaharuan dalam sektor kesihatan negara. Tetapi, suruhanjaya ini tidak

hanya melibatkan Kementerian Kesihatan, tetapi Kementerian lain juga. Jadi, saya berharap dalam pembentangnya yang dijangka pada Jun ini ia dapat ditubuhkan. Ia harus merangkumi bukan sahaja pakar-pakar kesihatan, malah pakar ekonomi bagi menentukan hala tuju jangka masa panjang.

Bagaimana dengan cecair yang dikeluarkan dari Akta Racun, kerana ada dakwaan ia memberi ruang kepada orang ramai menggunakan produk itu tanpa garis panduan jelas?

Ini adalah langkah yang regresif. Ia membuka kelemahan dalam undang-undang kerana pada masa ini tiada garis panduan yang sesuai mengawal selia vape. Situasi yang ideal, sebelum mengeluarkan cecair nikotin dari akta racun, adalah mempunyai undang-undang untuk mengawal selia vape dan produk tembakau yang lebih merangkumi daripada Akta Makanan 1983. Industri vape berkembang pesat jadi ada kepentingan untuk mengawalinya.

AKHBAR : UTUSAN MALAYSIA
MUKA SURAT : 31
RUANGAN : DALAM NEGERI

Johor tetap larang jual beli vape

JOHORBAHRU: Johor tetap dengan keputusan tidak membenarkan penjualan rokok elektronik atau vape seperti dikuatkuasakan sejak 2016.

Ini ditegaskan walaupun cukai peranti itu dikuatkuasakan bermula 1 April lalu.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan negeri, Datuk Mohd. Jafni Md. Shukor berkata, larangan sejak tujuh tahun lalu itu masih terpakai melibatkan jual beli vape termasuk perisanya sama ada dalam bentuk gel atau cecair, khususnya yang mengandungi nikotin.

"Tiada sebab Johor ubah pendirian berhubung larangan menjual vape hanya kerana Kerajaan Persekutuan melaksanakan cukai melibatkan peranti itu," katanya di sini semalam.

Mohd. Jafni berkata, larangan jualan vape di premis-premis perniagaan adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) manakala kesalahan menghisap vape di tempat awam tertakluk kepada Jabatan Kesihatan.

"Setakat ini tiada PBT di negeri ini mengeluarkan lesen perniagaan kepada pihak menjual peranti vape dan produk berkaitan.

"Orang awam yang mempunyai maklumat penjualan vape berserta bahan perisa, khususnya yang mengandungi nikotin boleh membuat laporan kepada PBT. Tindakan boleh dikenakan sekiranya didapati bersalah," tegasnya.

Pada 1 Januari 2016, kerajaan negeri menguatkuasakan undang-undang melarang menghisap vape termasuk mengambil tindakan terhadap peniaga yang didapati melakukan urusan jual beli peranti tersebut ekoran titah Sultan Johor, Sultan Ibrahim Sultan Iskandar.

Ahad lalu, kerajaan mewartakan duti eksais bagi cecair vape dengan kandungan nikotin pada kadar 40 sen setiap mililiter (ml) dalam usaha mengenakan cukai produk cecair atau gel yang mengandungi nikotin.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 1

RUANGAN : MUKA HADAPAN

Taxing vape best way to curb it, says PM

DATUK Seri Anwar Ibrahim sought to justify the delisting of nicotine from the Poisons Act, saying the move will pave the way for a tax on the smoking items, which can discourage the habit among the public.

» REPORT ON PAGE 2



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES
MUKA SURAT : 2
RUANGAN : NEWS / NATION

Career, not contract, is what doctors want

Adopt pragmatic solution to problem

WE are glad the walk-out threatened by the 8,000 contract doctors didn't materialise. But this doesn't mean the government should be happy with the band-aid treatment that it has been dispensing to contract doctors for the longest time. How about a permanent cure? Here is the prescription. Firstly, recognise that doctors are not like roofers at a construction site to be hired on contract for a two-year project. A construction worker can be a roofer today and tile-setter tomorrow. A doctor is a trained professional who has spent a substantial part of his life and his parents' fortune studying how to prevent diseases if he can, and treat them if he can't. One who comes well-versed in the art and science of medicine deserves a career, not a contract. We are glad that Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim has given his commitment to give the contract doctors a career by 2025.

Secondly, being an ageing nation of 33 million people, Malaysia needs more doctors, not less. How many doctors should such a nation require? A well-rehearsed ratio is one doctor to 400 patients. Malaysia is said to already have hit the target. Like all ratios, this, too, misses the context. Malaysia is a land of some urban areas and more rural ones. Distribution of doctors is an old issue. Add to this the fact that the country is divided by the South China Sea. Sure, Malaysia isn't Indonesia, but accessibility to some settled areas is an issue. Throw into this equation the possibility of future pandemics, the 1:400 ratio seems to be an inadequate one.

One who comes well-versed in the art and science of medicine deserves a career...

Thirdly, we may need more doctors, not less. Let's look at the numbers. Media reports quoting the Malaysian Medical Association say 34 local public and private medical schools produce 5,000 graduates annually. Often missed, even by the Health Ministry, is the 1,000 overseas medical graduates from 375 recognised colleges returning home every year. Oversupply? If we take contract doctors to mean oversupply, then we have about 20,000 doctors more than we need. Yet patients wait for hours and at times a day or two to see a doctor even with the "extra" doctors. So much for the World Health Organisation's 1:400 doctor-to-patient ratio. And this is just urban agony, not to say anything about the rural rage.

There is something amiss here. And we think it to be a failure in human resources planning, a result of ministries working in silos. If we had done this right, we wouldn't face the shortage of specialists that we are up against today. Consider heart specialists. Up to 2021, there were 338 registered cardiologists in Malaysia, 37 of whom were with the Health Ministry. As for cardiothoracic surgeons, there were only 14. Because most Malaysians can't afford to pay the hefty bill charged by private hospitals, these few bear the brunt of the workload. Ten cardiologists to a million Malaysians is a burden too heavy for even such learned shoulders. There won't be specialists if there are no doctors today. Besides, it takes four years to train a cardiologist and more to school a cardiothoracic surgeon. If we give the contract doctors the years and training they need, there is a chance that we may have 20,000 specialists in the future. True, we can't predict the future, but we can at least plan for one.



Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim fielding questions in the Dewan Rakyat yesterday. PIC COURTESY OF THE INFORMATION DEPARTMENT

LEGALISATION OF NICOTINE-LACED PRODUCTS

'AMENDING POISONS ACT WILL CURB VAPE SALE'

Excise duty imposed as sale of such products rampant, PM tells Parliament

NOR AIN MOHAMED RADHI
AND TEH ATHIRA YUSOF
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE government's decision to approve an amendment to the Poisons Act 1952 to allow for the legalisation of nicotine-laced products will curb the rampant sale of vape products in the country.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said while increasing smoking awareness was necessary, the banning of vape products and cigarettes was seen as drastic.

"I agree with the professionals who slammed the matter. However, on the government side, it is a bit difficult for us to prohibit nicotine-laced products for the time being.

"Even though I personally do not condone smoking or vaping, the excise duty on liquid or gel products containing nicotine used for electronic cigarettes and vaping was implemented as it

(the use of vape) was too rampant.

"There are also some ulama who prohibit smoking, but the act is still widespread and this is why the excise duty was introduced. It may seem as a mild approach but it can reduce the smoking habit among the young and old," he said during the prime minister's question time in the Dewan Rakyat yesterday.

Anwar said this in response to Datuk Dr Ahmad Yunus Hagiri (PN-Kuala Langat) on the government's justification for the removal of liquid and gel nicotine products used in electronic cigarettes from the Poisons Act 1952.

Previously, the Health Ministry approved the amendment to the act to remove nicotine from the list of poisons to pave the way for the legalisation of nicotine-laced products so that it could be taxed.

Its minister, Dr Zaliha Mustafa, said the exemption of nicotine from the act was in line with the 2023 Budget, where the government would impose excise duty on liquid or gel products containing nicotine used for electronic cigarettes and vaping.

Dr Zaliha said liquid or gel containing nicotine for smoking through electronic cigarettes or electronic vaporisation devices was now an excise duty item and

controlled under the Excise Act 1976 (Act 176).

Anwar also promised that the Control of Tobacco Products and Smoking Bill 2022 will be tabled in the Dewan Rakyat next month to ensure comprehensive control over nicotine-laced products.

In response to a supplementary question from Dr Kelvin Yii Lee Wuen (PH-Bandar Kuching) on the government's commitment to table the bill, Anwar said the implementation of the bill was delayed as it received negative feedback from many members of parliament.

"There were a lot of disagreements pertaining to the matter along with questions raised on the excise duty.

"However, we will not cancel the bill and will continue to present it (in May) after taking into account all views and opinions."

Anwar said the government will consider returning 50 per cent of the excise duty to the Health Ministry to help the health sector.

"The government has decided to return 50 per cent (from the excise duty on nicotine products) to the ministry to help with the recovery of the health industry, and the extension to other (matters) will also be considered." **Additional reporting by Qistina Salliehuudin**

NEW STRAITS TIMES

Published by: The New Straits Times Press (M) Bhd,
31, Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur
FARRAH NAZ KARIM Group Editor
Tel: 1-300-22-5787 • Fax: 03-2056 7148
• Email: news@nstp.com.my • Online: www.nst.com.my

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 3

RUANGAN : NEWS / NATION

Govt to solve contract doctors' issues within 3 years, says PM

KUALA LUMPUR: The government is committed to resolving long-standing issues faced by contract doctors in holding permanent positions within three years.

Prime Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the government was taking into account the financial implications and was looking to solve the issues in stages.

"So far, the total number of contract medical officers is 20,330. Of the total, almost 12,800 contract medical officers have completed their housemanship.

"The government is committed

to absorb 12,800 contract doctors within three years and this year, almost 4,300 contract medical officers have received permanent positions," he told the Lower House during the prime minister's question time yesterday.

Anwar was responding to a question by Datuk Seri Madius Tangau (PH-Tuaran) on the total number of contract medical officers in the public service and the financial implications involved if they were absorbed into a permanent position.

Anwar said the number of re-

maining contract doctors to hold permanent positions in the civil service by 2025 was expected to involve an additional allocation of RM1.7 billion.

"I would like to inform the House that even though the permanent appointments for the contract doctors are made, the Health Ministry will continue to hire contract doctors for housemanship purposes.

"This will also involve an increase in the Health Ministry's emoluments annually."

Anwar said the 2023 Budget

had agreed to provide an emolument allocation of RM19.7 billion to the Health Ministry, an increment of almost RM3 billion compared with the 2022 Budget.

He said the increase was for the rise in annual salary of 288,740 current positions in the Health Ministry at RM1.2 billion; additional allowances for contract doctors of RM600 million; and, appointments to permanent positions at contract officers with an additional financial implication of RM1.1 billion, including doctors, pharmacists and dental officers.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 4

RUANGAN : NATION

Seeking right pill for docs' woes

Walking out may not be the right cure as the government is moving to solve the problem.

It was touted as a "paralysis" of the healthcare system, but in the end the Mogok Doktor Malaysia's Black Monday campaign ended up stillborn.

The strike, which came two years after the rather successful MMA Schomos' Code Black campaign and Hartal Doktor Kontrak strike, has even been branded by some junior doctors as a "fire-cracker that did not explode".

Instead, it set tongues wagging in the medical fraternity and the public for all the wrong reasons.

The organisation was haphazard from the start. Junior doctors were not convinced with the movement's call for a strike. It was "a faceless phantom" lacking in transparency and doctors were not willing to take the risk to strike when they did not know who was organising it.

"People would not risk their careers or jobs to follow someone wearing a mask. This is not Gotham where the Bat symbol is a signal," said one doctor, likening Batman's secret identity to the organisers.

Ironically, the Mogok Doktor Malaysia's Instagram page seems to have been deactivated on day two of the supposed strike. And this was the page used by the

RAGANANTHINI
VETHASALAM
raga@thestar.com.my

Comment

organisers to communicate details on the strike to some 15,000 followers.

When organisers back off, participants almost certainly will have no faith.

Another issue was the group's warning to the public to go to private healthcare facilities and avoid public healthcare facilities during the three-day strike, claiming the healthcare sector would be "paralysed" with thousands of doctors on medical leave (MC) or emergency leave (EL).

The group claimed that even the emergency department and maternity wing would be affected.

If anything, this reeked of irresponsibility on the part of the organisers, who themselves are doctors.

While many emphasise with

the plight of the contract doctors – they are poorly paid and quite overworked, with no job security as well – there are matters of life and death that cannot be toyed with.

Some 70% of Malaysians use government healthcare services, according to the 2019 National Health and Morbidity Survey (NHMS 2019). Their health cannot be jeopardised.

The organisers could have instead taken a leaf from the Code Black social media campaign and Hartal Doktor Kontrak's peaceful strike which prioritised patient care and ensured that their movement had no impact on patient care.

They too were championing the cause of contract doctors.

To make matters worse, Hartal was dragged into the commotion and was panned on social media for being behind the strike, when it was not. That would have lost the organisers some support within the fraternity.

In the end, there was almost no disruption to healthcare services, and even the "wear black" campaign turned out to be dud.

Despite that, the organisers have claimed the strike was a success, saying some 3,000 doctors

had taken part.

"There were contract doctors who took MC and EL, some medical officers had to carry out jobs that are usually done by house officers but the patient rate fell 30% overall," the organiser said before the line of communication was disabled.

"It seems like nothing (had) happened because both the crowd and the workforce was reduced."

"We have brought the issue of contract doctors to the eyes of the public," it added.

Asked about the need for the strike, the organisers said: "We have lost trust in the Health Ministry."

It's a sad indictment. While the strike itself was an idea, the contract system and the job security for junior doctors need to be addressed as soon as possible.

The good thing to have come out of this failed strike is the formation of a high-level committee to resolve the plight of contract doctors and the government's announcement that some 12,800 contract doctors would be absorbed into permanent service in the next three years.

It is a step in the right direction. It has been a long wait for job

security for contract doctors, in addition to other issues such as low on-call payment rates and unbelievably long hours.

However, new Health Minister Dr Zaliha Mustafa has been engaging healthcare groups since she took office. It is only fair that she and the other agencies involved are given time to solve this legacy issue that has lasted through the tenure of five health ministers.

Hopefully, the Health Service Commission will be formed as soon as possible and solutions offered.

A strike at this time is definitely uncalled for. Doctors have had their share of suffering but it does no good to get confrontational when plans are afoot to address the matter.

It's a good thing Black Monday was not so bleak after all, and everyone can now get to work on solving the issue.

Dr Zaliha's predecessor Khairy Jamaluddin started the ball rolling on solving the problem but she should be given the chance to prove her commitment to resolve this matter.

Let's hope Dr Zaliha can prescribe the right medicine for this terminally ill contract system.

'Permanent posts for 12,800 contract docs in three years'

KUALA LUMPUR: A total of 12,800 contract doctors are expected to be absorbed into permanent positions within the next three years, says the Prime Minister.

Datuk Seri Anwar Ibrahim (PH-Tambun) said the government, through Budget 2023, had allocated an amount of RM19.7bil for emoluments, which saw an increase of RM3bil from the previous years.

"Of this RM3bil additional allocation, RM1.2bil was allocated for pay rise, RM600mil for contract appointments and RM1.1bil for absorption to permanent positions."

"For 2023, it means that a total of RM1.7bil was allocated for recruiting more contract doctors and to absorb existing ones to permanent positions," he said in response to Datuk Seri Madius Tangau (PH-Tuaran) in Dewan Rakyat yesterday.

With the allocation in place, Anwar said 12,800 contract doctors would be in permanent positions in three years.

"This year, we have absorbed 4,300 contract doctors into permanent positions."

"I hope that everyone can understand that we don't have any intention to look down (on the doctors' demands) as they have been serving us well," he added.

Anwar also announced that on-call allowances would be extended to medical officers on duty at six public health clinics involved in the "overcrowding reduction project".

The extension of operating hours at the clinics were among the initiatives by the



The PM's promise:
For 2023, a total of RM1.7bil was allocated for recruiting more contract doctors and to absorb existing ones to permanent positions.
— Bernama

Health Ministry to address overcrowding at hospitals' Emergency Department.

In an immediate reaction to Anwar's announcement, the president of the Malaysian Medical Association, Dr Muruga Raj, said the news provided some certainty for affected doctors.

"We welcome the government's commitment of 4,300 permanent positions for this year for contract doctors, and its pledge to provide 12,800 permanent positions within three years."

"We can see that the government is now making bigger strides towards resolving the longstanding issue."

"The fact that there are now 4,300 permanent positions instead of 1,500 which was committed to in Budget 2023 shows that it is indeed possible for more permanent positions to be

created.

"Nevertheless, we applaud the government for making it happen," he said in a statement and thanked Anwar for the move to extend on-call allowances to medical officers at the six government clinics involved in the pilot project to tackle overcrowding.

However, Hartal Doktor Kontrak said 12,800 permanent slots might not be sufficient.

Its spokesperson, who wanted to be only known as Dr Muhammad, said there were over 20,000 doctors on contract, with an addition of 5,000 coming into service annually.

"This works out to be 15,000 over the course of three years, and a total of 35,000 on contract in the entire workforce."

"If there are 12,800 slots, that means only 36% will be absorbed, or one in three. That definitely

doesn't give any sort of assurance of job security to the junior doctors. (It is) unlikely that this will stop the doctors from leaving the service and further worsen the state of healthcare in the country," he said when contacted.

Meanwhile, the organiser of the three-day nationwide contract doctor strike, Mogok Doktor Kontrak, deactivated its Instagram page yesterday – the second of its three-day strike. Attempts to get further clarification were unsuccessful following the deactivation of this social media channel that was initially used to mobilise the strike.

WATCH THE
VIDEO

TheStarTV.com



AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 11
RUANGAN : NATION

THE STAR, WEDNESDAY 5 APRIL 2023

Nation 11

Vape ban in Johor to remain

Exco: State laws unchanged despite move to regulate at the federal level

By MOHD FARHAAN SHAH
farhaan@thestar.com.my

JOHOR BARU: Johor will not rescind its ban on the sales of vape that has been enforced since 2016, even with Putrajaya imposing an excise tax on e-cigarette liquids or gels containing nicotine from April 1 this year.

State Housing and Local Government committee chairman Datuk Mohd Jafni Md Shukor said the prohibition on vape, including its related products, has been in place for about seven years now.

"We are still enforcing the state wide ban on selling of vape, including its liquid or gel, which contains nicotine.

"There is no reason for Johor to change our stand," he said when contacted yesterday.

He added that the ban on the sales of vape at business premises comes under the jurisdiction of the respective local councils, while those caught using vapes in public areas will have action taken against them by the state Health Department.

"So far, none of the local councils in Johor have issued business operating licences to those selling vape and related products.

"Those that have information on premises found to be selling vape together with its liquid or gel containing nicotine should forward the matter to the respective local councils so that enforcement

action can be taken," he said.

On Jan 1, 2016, Johor officially became the first state in the country to ban vaping, with enforcement on users as well as traders selling them.

The decision was made following a decree by Johor Ruler Sultan Ibrahim ibni Almarhum Sultan Iskandar, who had ordered a ban on vaping in the state.

Last Sunday, the Finance Ministry announced that makers of vape nicotine products have until April 30 to register their manufacturing activities for tax purposes, or else they can be compounded for late registration by the Customs Department.

"Early registration will ensure comprehensive industry compli-

ance and smooth tax collection by May 2023," the ministry said.

It added that licensing registration under the Excise Act 1976 could also be done online through the MyExcise System at the link <https://myexcise.customs.gov.my/myexcise/>.

The ministry noted that by removing liquids or gels containing nicotine from the List of Poisons under the Poisons Act 1952, the Health Ministry will be able to present a new Bill to regulate all smoking products, including nicotine-containing materials.

According to the Federal Government Gazette Excise Duties (Amendment) Order 2023, the government will impose an excise tax of 40sen per ml on

e-cigarettes liquid or gel containing nicotine from April 1.

In announcing Budget 2023 last month, Finance Minister Datuk Seri Anwar Ibrahim said the government planned to impose an excise tax on liquid or gel nicotine-containing products.

"As mentioned in the Budget 2023 announcement, half of the excise duty revenue collected from the nicotine products will be channelled to the Health Ministry to improve the quality of health services," read the Finance Ministry statement.

The government estimated that nicotine-containing vape liquids that are currently being sold without being taxed have a market value of RM2bil.

494 premises get summonses in Aedes ops

By FAZLEENA AZIZ
fazleena@thestar.com.my

PETALING JAYA: A total of 5,506 compound notices were issued while 494 owners of premises were slapped with summonses by the Health Ministry for harbouring mosquito breeding places in their areas from January to February this year.

It added the enforcement action was carried out in an integrated operation called Operasi Cempur Aedes, which was coordinated with various states on a monthly basis.

"The ministry conducts regular enforcement activities at the high-risk areas for dengue transmission and outbreak localities.

"All vector control activities including fogging are carried out by district health offices regularly at high-risk areas and outbreak localities," the ministry said in a statement yesterday.

On the contributing factors of dengue cases, the ministry said prolonged rainy seasons alternating with hot weather provided abundant breeding places for Aedes mosquitoes.

It added Aedes mosquito emerges faster from the eggs and becomes more aggressive in biting and breeding behaviour.

"The frequent population movement from a dengue-prone area to a non-endemic dengue area will introduce the virus to a 'dengue naive' population.

"Poor environmental cleanliness with abundance of man-made containers provides suitable places for Aedes mosquitoes to breed.

"Community level solid waste management, especially disposal at non-designated areas, infrequent waste collection by concessionaires, and hoarding of recyclable items are among the contributors to the increasing number of breeding places and dengue cases," the ministry said.

According to the iDengue site, a total of 29,143 dengue cases and 18 deaths have been recorded in the country from Jan 1 to April 3 this year.

At present, there are 2,936 active outbreaks localities and

Selangor is leading with 14,933 cases.

This is followed by Sabah (2,916 cases), Kuala Lumpur (2,669), Penang (2,450), Johor (1,949) and Kedah (1,058).

On March 30, Health Department director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said the rising cases of dengue is part of its cyclical trend and it is anticipated to peak this year.

Dengue trends follow a cyclical pattern with the dengue epidemic being reported every four to five years, he added.

In response, he said the Cabinet Committee to Combat Dengue was reactivated to address the rising number of dengue cases and outbreaks.

AKHBAR : THE STAR

MUKA SURAT : 11

RUANGAN : NATION

Education sector urged to conduct Covid-19 screenings

KUALA LUMPUR: The education sector should start conducting screening on students, teachers and staffers as 11 of the 18 latest Covid-19 clusters reported were education-related clusters, says the Health Ministry.

The recommendation came following data revealed in the seventh epidemiological week 2023 from March 26 to April 1.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah in a statement yesterday said of the total, six clusters involved educational institutions under the Education Ministry (MOE) involving three colleges, a religious school, a boarding school and a secondary school.

He said the five other clusters involved four non-MOE schools and colleges and one childcare centre, Bernama reported.

"The current increase in the number of Covid-19 cases and clusters came about following the re-opening of the school session in mid-March 2023. The increase in cases is also due to active community movements during the last school holiday season," he said.

As such, he said the education sector is advised to perform screening on symptomatic students, teachers and staffers before entering the premises and conduct RTK-Ag tests on students, teachers and staff in accordance with the Covid-19 testing strategy.

In addition, he said parents also need not send their children to school if symptomatic.

On the development of Covid-19 cases, Dr Noor Hisham said the number of patient admissions to health facilities per 100,000 residents increased by 24.1% compared to the last epidemiological week bringing the cumulative number of new cases to 5,052,337 and the number of recoveries to 5,004,546 cases.